

**Datuk Lat Kongsi Pengalaman Berkartun Dengan Pelajar Landskap**

Datuk Lat ketika berkongsi perjalanan seni lukisan kartunnya pada Landscape Architecture Colloquium 2010 di UPM.

SERDANG, 14 Jan – Minat melukis yang lahir sejak kecil dan sokongan daripada ibu bapa telah mendorong kartunis ternama negara, Datuk Lat bergiat aktif dalam lukisan kartun.

Beliau yang terkenal dengan karikatur '*Kampung Boy*' banyak menonjolkan realiti kehidupan masyarakat di Malaysia yang hampir dengan kehidupannya daripada pelbagai kaum tanpa mengira peringkat umur dan status.

"Saya cenderung untuk melukis watak-watak yang pelbagai kaum; Melayu, Cina dan India kerana ini akan memudahkan pembaca untuk menerima karya saya," katanya pada sesi perkongsian ilmu bersama peserta-peserta *Landscape Architecture Colloquium 2010* di sini.

Landscape Architecture Colloquium 2010 anjuran pelajar tahun akhir Fakulti Reka Bentuk dan Senibina, UPM turut dihadiri oleh 350 pelajar dan pensyarah dari beberapa buah universiti.

"Saya banyak menceritakan suasana semasa saya masih kecil di kampung bersama rakan-rakan. Dalam karya saya akan ada suasana bersuka-ria di sungai mahupun di sekolah kerana rakan-rakan, sungai, sekolah dan keluarga merupakan keutamaan ketika saya kecil dahulu," katanya.

Datuk Lat atau nama sebenarnya Datuk Mohammad Nor Khalid yang berasal dari Kota Baru, Perak juga sering memperkenalkan pemandangan kampung sebagai pelengkap cerita dalam beberapa kartunnya seperti *Keluarga Si Mamat*, *Kampung Boy*, *Scenes of Malaysian Life*, *Budak Kampung* dan *Mat Som*.



Datuk Lat (atas pentas) ketika sedang menceritakan perihal kartunnya yang pernah diterbitkan.

"Saya telah mempelbagaikan setiap karya saya, misalnya ada pemandangan di kampung, sungai dan juga pemandangan bandar. Kepelbagaian ini merupakan tanggungjawab saya sebagai kartunis negara agar sentiasa mengetengahkan kehidupan realiti masyarakat di negara kita.

"Tanggungjawab ini jelas kerana ada juga karya saya yang telah mendapat sambutan dan tempat di luar negara seperti di Jepun dan Jerman," katanya yang mula melukis di Utusan Malaysia pada Oktober 1967.

Beliau berkata tema kolokium tersebut, iaitu '*Green Land, Blue Sky*' harus dihayati bersama kerana bukan mudah untuk mengekalkannya kerana kepesatan pembangunan.

Lat juga menasihatkan generasi baru agar berusaha dalam memelihara kesucian alam sekitar yang masih ada kerana jika setiap perubahan tidak dikawal, segala kenikmatan dan kemurnian pembangunan akan hilang.



Antara peserta yang mendengar kisah Datuk Lat dengan penuh minat.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
Maklumat lanjut sila hubungi Fadzilah Busu (013-8931422) atau Ili Syazwani Zahimi (012-3764581)**